

|                    |                      |                   |                  |
|--------------------|----------------------|-------------------|------------------|
| <b>Headline</b>    | Tarif elektrik kekal |                   |                  |
| <b>MediaTitle</b>  | Berita Harian        |                   |                  |
| <b>Date</b>        | 16 Jul 2019          | <b>Language</b>   | Malay            |
| <b>Circulation</b> | 82,252               | <b>Readership</b> | 246,756          |
| <b>Section</b>     | Nasional             | <b>Page No</b>    | 12               |
| <b>ArticleSize</b> | 278 cm <sup>2</sup>  | <b>Journalist</b> | Laporan Rohaniza |
| <b>PR Value</b>    | RM 27,615            |                   |                  |



Dewan Rakyat

# Tarif elektrik kekal

Kerajaan laksana pelbagai langkah kurangkan kos yang perlu ditanggung pengguna

Laporan Rohaniza Idris,  
Zanariah Abd Mutalib dan  
Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tarif elektrik bagi semua kategori pengguna domestik dan komersial serta industri dikekalkan untuk tempoh Julai hingga Disember ini.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin,

berkata mengikut mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT), kos bahan api dan peningkatan kos penjanaan lain yang perlu dilepaskan kepada pengguna bagi tempoh sama berjumlah RM1.592 bilion melalui surcaj kepada pengguna, peningkatan 0.39 sen/kwj.

Untuk mengurangkan beban rakyat dan pihak komersial serta industri, katanya, kerajaan mengambil pelbagai langkah dengan mengurangkan kos yang perlu dilepaskan kepada pengguna.

"Suruhanjaya Tenaga (ST) membuat pelarasan ke atas hasil dan kos elektrik pada 2018 dan 2019 menerusi Peraturan Berdasarkan Insentif (IBR) berdasarkan peruntukan Panduan Pelaksanaan Kawal Selia (RIG) dan mendapatkan penjimatan sebanyak RM336.70 juta.

Kementerian turut mendapat kelulusan Kabinet untuk



**Yeo Bee Yin**

menyumbang subsidi kepada tarif elektrik menerusi peruntukan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) berjumlah RM107.16 juta," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Hasbullah Osman (BN-Gerik) yang bertanya sama ada kerajaan mengkaji semula tarif elektrik baharu berikutan pergerakan harga arang batu dan

gas di pasaran antarabangsa yang merosot dalam beberapa bulan kebelakangan ini.

Bee Yin berkata, walaupun harga pasaran bahan api mengalami penurunan kebelakangan ini, penetapan ICPT bagi Julai hingga Disember ini adalah berdasarkan harga purata bahan api bagi tempoh Januari hingga Jun lalu.

Katanya, kementerian dalam proses merangka Akta Kekekapan dan Konservasi sebagai langkah penggunaan tenaga cekap, sekali gus berupaya menurunkan penggunaan elektrik dan menjimatkan bil elektrik.

Katanya, satu sesi libat urus dan perbincangan dengan Ahli Parlimen akan diadakan bagi mendapatkan maklum balas mengenai akta berkenaan.

"Saya harap Ahli Parlimen dapat menghadirinya kerana kita mahu ia berjaya dilaksanakan," katanya.